

Selamat datang, para pendaki!

Ikuti kami dalam panduan sendiri
bergambar untuk pengalaman terbaik
Rimba Komuniti Shah Alam (SACF)

Jom ikuti Temon si tenuk di Rimba Komuniti
Shah Alam (SACF) untuk mengetahui fakta-
fakta menarik disini





Peta SACF

Gunakan Peta SACF ini sebagai panduan perjalanan anda.



Hentian 2

Lan dan Temon bersama-sama mencari ibu Temon.

“Jom kita berhenti rehat kejam,” kata Lan.



"Apa ni?" tanya Temon.

"Ini namanya pokok Mahang Gajah, atau Pokok Telinga Gajah" kata Lan.



“Kawasan ni dulu, kosong dan togel lepas beberapa pokok dah ditebang.”

“Lepas tu, pokok telinga gajah ni tumbuh, terus hutan jadi hidup dan sihat semula.”

“Kalau ada kecederaan, saya akan datang sini sebab daunnya boleh merawat luka dan lebam.”



Ketahui sambungan kisah ini di Hentian 3...



Fakta SACF

Mahang Gajah

Macaranga gigantea



1. Juga dikenali sebagai Pokok Telinga Gajah, spesies ini merupakan sejenis pokok asal hutan yang cepat membesar, dan boleh membantu memulihkan hutan yang terusik.
2. Ada banyak kegunaan seperti getah merahnya boleh dijadikan gam, dan daunnya boleh digunakan untuk merawat bengkak, luka, bisul, rasa lenguh dan lebam.
3. Banyak spesies burung di Asia Tenggara yang bergantung kepada buah pokok telinga gajah sebagai sumber makanan ia. Kalau ada ternampak pokok ini, cuba cari burung-burung yang sedang hinggap di dahannya.

Belajar lebih lagi tentang Mahang Gajah disini

TEKAN SINI





Fakta SACF

Pokok Bertam

Eugeissona tristis



1. Seperti Mahang Gajah, Bertam juga merupakan pokok asal hutan yang menjadi teduhan kepada biji benih lain untuk tumbuh di lantai hutan.
2. Komuniti Orang Asli menggunakan setiap bahagian pokok bertam ini. Pelepahnya digunakan untuk membuat atap rumah, manakala batangnya boleh digunakan untuk membuat tiang, bubu ikan, atau sebagai sumbu api.

Cara Membuat Atap Daripada Pelepah Bertam

TEKAN SINI



Bertam dalam Reka Bentuk Tradisional



Peta SACF